

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)33

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

33. Nyatakan jumlah bilangan rumah pangsa yang masih tidak mempunyai tangki air.
- (a) Adakah terdapat garis panduan yang menetapkan bahawa setiap rumah pangsa perlu menyediakan tangki air mengikut kepadatan penduduk?
 - (b) Apakah usaha yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan supaya tangki air dapat dipasang di semua rumah pangsa ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

33. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dan juga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data yang mengenai jumlah rumah pangsa di negeri Pulau Pinang yang tidak mempunyai tangki air.
- (a) Garis Panduan berhubung keperluan rumah pangsa menyediakan tangki air adalah berdasarkan Akta Industri

Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Selain itu, dalam '*Penang Water Authority, Water Supply Rules 1994, Item 220*' juga ada menyatakan keperluan menyediakan tangki simpanan 300 gelen (bersamaan jumlah simpanan air untuk tempoh 24 jam, tertakluk kapasiti keperluan) bagi rumah teres dan rumah pangsa.

- (b) Sehingga kini, tiada data yang direkodkan bagi rumah pangsa yang tidak mempunyai tangki air. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat rumah pangsa yang tidak mempunyai tangki air dan memerlukan pemasangan tangki air, perkara tersebut perlulah diusahakan dan dilaksanakan oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) skim perumahan berkenaan.